

Bil. S 13

**AKTA PENYIARAN  
(PENGAL 180)**

**KENYATAAN PENYIARAN (LESEN KELAS), 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 12 dari Akta Penyiaran maka Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Kenyataan yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuatkuasa.**

1. Kenyataan ini boleh digelar sebagai Kenyataan Penyiaran (Lesen Kelas), 2001 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 12 haribulan Februari, 2001.

**Tafsiran.**

2. Bagi maksud-maksud Kenyataan ini —

"Pembekal Isi Kandungan Internet" bermakna —

- (a) mana-mana individu di Negara Brunei Darussalam yang membekalkan sebarang rancangan, bagi maksud-maksud perniagaan, politik atau keagamaan, kepada *World Wide Web* melalui Internet; atau
- (b) mana-mana perbadanan atau kumpulan individu (termasuk mana-mana persatuan, perniagaan, kelab, syarikat, pertubuhan, organisasi atau perkongsian, sama ada boleh didaftarkan atau diperbadankan di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam atau tidak) yang membekalkan sebarang rancangan kepada *World Wide Web* melalui Internet,

dan termasuk mana-mana *web publisher* dan mana-mana *web server administrator*;

"Pembekal Perkhidmatan Internet" bermakna mana-mana orang yang berikut —

- (a) Pembekal Perkhidmatan Akses Internet yang dilesenkan di bawah bab 3 dari Akta Telekom (Pengal 54);
- (b) Penjual Semula Perkhidmatan Internet Berpusat; atau
- (c) Penjual Semula Perkhidmatan Internet Tidak Berpusat;

"Penjual Semula Perkhidmatan Internet Berpusat" bermakna seseorang —

- (a) yang mendapatkan akses Internet daripada Pembekal Perkhidmatan Akses Internet atau daripada Penjual Semula Perkhidmatan Internet Tidak Berpusat; dan
- (b) yang membekalkan perkhidmatan Internet yang diperolehi daripada Pembekal Perkhidmatan Akses Internet, atau Penjual Semula Perkhidmatan Internet Tidak Berpusat, kepada semua atau sebahagian daripada orang ramai; dan
- (c) yang perkhidmatan Internetnya boleh didapatkan hanya untuk penerimaan sahaja di dalam satu-satu bangunan, rumah kediaman, hospital, institusi pendidikan, perumahan, kompleks perniagaan atau perindustrian, atau mana-mana satu struktur kekal atau sementara yang lain,

tetapi tidak termasuk seseorang yang membekalkan perkhidmatan Internet kepada pekerja-pekerja orang itu sendiri semata-mata untuk kegunaan di dalam firma atau perbadanan orang itu;

"Penjual Semula Perkhidmatan Internet Tidak Berpusat" bermakna seseorang yang —

- (a) mendapatkan akses Internet daripada Pembekal Perkhidmatan Akses Internet; dan
- (b) membekalkan perkhidmatan Internet yang diperolehi daripada Pembekal Perkhidmatan Akses Internet kepada semua atau sebahagian daripada orang ramai dengan talian sewa telekom, rangkaian digital perkhidmatan bersepadu, modem atau dengan sebarang alat berkawat atau tanpa kawat yang lain;

tetapi tidak termasuk seseorang yang membekalkan perkhidmatan Internet kepada pekerja-pekerja orang itu sendiri semata-mata untuk kegunaan di dalam firma atau perbadanan orang itu;

"perkhidmatan komputer dalam talian VAN" bermakna suatu perkhidmatan komputer dalam talian yang dilesenkan sebagai perkhidmatan Rangkaian Nilai Tambah di bawah bab 3 dari Akta Telekom (Penggali 54).

**Perkhidmatan penyiaran yang boleh dilesenkan tertakluk kepada lesen kelas.**

3. Pembekalan perkhidmatan penyiaran yang boleh dilesenkan yang berikut adalah tertakluk kepada suatu lesen kelas —

- (a) perkhidmatan komputer dalam talian VAN; dan

- (b) perkhidmatan komputer dalam talian yang dibekalkan oleh Pembekal Isi Kandungan Internet dan Pembekal Perkhidmatan Internet.

**Syarat-syarat lesen kelas.**

4. Syarat-syarat lesen kelas yang disebut dalam perenggan 3 dinyatakan dalam Jadual.

**Pengenaan syarat-syarat.**

5. Syarat-syarat lesen kelas yang dinyatakan dalam Jadual adalah dikenakan kepada pembekalan sebarang perkhidmatan penyiaran yang boleh dilesenkan yang tertakluk kepada suatu lesen kelas jika perkhidmatan itu boleh didapatkan atau terus dibekalkan selepas 12 haribulan Februari, 2001 walaupun perkhidmatan itu pernah didapatkan atau mula dibekalkan sebelum 12 haribulan Februari, 2001.

**JADUAL**

**SYARAT-SYARAT LESEN KELAS**

1. Dalam Jadual ini —

"pemegang lesen" bermakna seseorang yang membekalkan suatu perkhidmatan penyiaran yang boleh dilesenkan yang tertakluk kepada suatu lesen kelas di bawah bab 12 dari Akta tersebut;

"surat khabar" bermakna sebarang terbitan yang mengandungi berita, maklumat, laporan kejadian, atau sebarang pendapat, pandangan atau ulasan dan diterbitkan dalam sebarang bentuk, untuk jualan atau edaran percuma, pada selang waktu yang tetap ataupun sebaliknya, tetapi tidak termasuk sebarang terbitan yang diterbitkan oleh atau untuk Kerajaan;

"perkhidmatan" bermakna suatu perkhidmatan penyiaran yang boleh dilesenkan yang tertakluk kepada suatu lesen kelas di bawah bab 12 dari Perintah tersebut.

2. (1) Pembekal Perkhidmatan Internet hendaklah —

(a) berdaftar dengan Menteri dalam masa 14 hari dari 12 haribulan Februari, 2001, atau dalam hal Pembekal Perkhidmatan Internet yang membekalkan perkhidmatan tersebut selepas 12 haribulan Februari, 2001, dalam masa 14 hari dari perkhidmatan tersebut dibekalkan;

(b) dengan ikhlas dan benar memberi maklumat, dan memberi akujanji, sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri

berhubung dengan pembekalan perkhidmatan Pembekal Perkhidmatan Internet; dan

(c) membayar bayaran lesen yang berikut —

- (i) bagi pembekalan suatu perkhidmatan komputer dalam talian oleh Pembekal Perkhidmatan Akses Internet, \$1,000 setahun;
- (ii) bagi pembekalan suatu perkhidmatan komputer dalam talian oleh Penjual Semula Perkhidmatan Internet Tidak Berpusat, \$250 setahun; dan
- (iii) bagi pembekalan suatu perkhidmatan komputer dalam talian oleh Penjual Semula Perkhidmatan Internet Berpusat, \$250 setahun bagi setiap bangunan di mana perkhidmatan komputer dalam talian itu dibekalkan.

(2) Perenggan kecil (1) tidak dikenakan kepada Penjual Semula Perkhidmatan Internet Berpusat yang, pada pendapat Menteri, membekalkan perkhidmatan Internet —

- (a) bagi maksud-maksud yang hanya bersampingan dengan perniagaan utamanya; atau
- (b) bagi maksud-maksud tunjukcara secara berkala sahaja.

3. Pembekal Isi Kandungan Internet yang ditentukan, atau adalah ditentukan oleh Menteri sebagai —

- (a) sebuah parti politik yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang membekalkan sebarang rancangan kepada *World Wide Web* melalui Internet; atau
- (b) suatu kumpulan orang yang terlibat dalam penyebaran, penggalakan atau perbincangan mengenai isu-isu politik atau keagamaan berkenaan dengan Negara Brunei Darussalam dalam *World Wide Web* melalui Internet,

hendaklah berdaftar dengan Menteri dalam masa 14 hari dari 12 haribulan Februari, 2001 atau, dalam hal Pembekal Isi Kandungan Internet yang membekalkan perkhidmatan itu selepas 12 haribulan Februari, 2001, dalam masa 14 hari setelah perkhidmatan itu dimulakan, atau dalam suatu tempoh masa yang lebih lama sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Menteri.

4. Jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh Menteri dengan notis secara bertulis —

- (a) Pembekal Isi Kandungan Internet yang ditentukan, atau adalah ditentukan oleh Menteri sebagai, menjalankan perniagaan membekalkan surat khabar dalam talian melalui Internet; dan
- (b) Pembekal Isi Kandungan Internet yang ditentukan, atau adalah ditentukan oleh Menteri sebagai, seorang individu yang membekalkan sebarang rancangan, bagi penyebaran, penggalakan atau perbincangan mengenai isu-isu politik atau keugamaan berkenaan dengan Negara Brunei Darussalam, dalam *World Wide Web* melalui internet,

hendaklah berdaftar dengan Menteri dalam masa yang ditetapkan oleh Menteri dalam notis tersebut.

5. Pembekal Isi Kandungan Internet yang dikehendaki untuk mendaftar di bawah perenggan 3 atau 4 hendaklah dengan ikhlas dan benar memberi maklumat, dan memberi akujanji, sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri berhubung dengan pembekalan perkhidmatan Pembekal Isi Kandungan Internet.

6. Seseorang pemegang lesen yang dikehendaki untuk mendaftar dengan Menteri di bawah perenggan 2, 3 atau 4 hendaklah memberi notis bertulis 14 hari kepada Menteri mengenai tujuannya untuk menamatkan pembekalan perkhidmatannya.

7. Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mematuhi undang-undang Negara Brunei Darussalam.

8. Seseorang pemegang lesen hendaklah —

- (a) membantu Menteri dalam penyiasatan tentang —
  - (i) sebarang pelanggaran lesennya; atau
  - (ii) pelanggaran sebarang undang-undang yang dikatakan telah dilakukan oleh pemegang lesen tersebut atau mana-mana orang lain; dan
- (b) mengemukakan maklumat, rekod, dokumen, data atau bahan lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Menteri untuk tujuan penyiasatan.

9. Seseorang pemegang lesen yang bertujuan untuk menyiarkan perkhidmatannya dalam —

- (a) suatu frekuensi radio;
- (b) sebarang *spare capacity* atau *sub-carrier* melalui saluran televisyen atau radio; atau

(c) talian televisyen dalam *Vertical Blanking Interval*,

hendaklah, sebelum memulakan siaran perkhidmatannya, memberitahu Menteri tentang tujuannya untuk menyiarkan perkhidmatannya dengan cara tersebut dan mendapatkan kebenaran sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri untuk siaran perkhidmatannya dengan cara tersebut.

10. Pemegang lesen tersebut hendaklah menyimpan dan memberi kepada Menteri semua maklumat, rekod, dokumen, data atau bahan lain berhubung atau berkenaan dengan pembekalan perkhidmatannya sebagaimana yang mungkin dikehendaki, dari masa ke semasa, oleh Menteri.

11. Seseorang pemegang lesen hendaklah berusaha dengan sebaik-baiknya untuk memastikan bahawa perkhidmatannya —

- (a) mematuhi Tataamalan sebagaimana yang mungkin dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Menteri; dan
- (b) tidak digunakan untuk sebarang tujuan, dan tidak mengandungi sebarang rancangan, yang —
  - (i) bercanggah dengan kepentingan awam, ketenteraman awam atau keharmonian negara; atau
  - (ii) melanggar citarasa yang baik atau tatasusila.

12. Pembekal Isi Kandungan Internet yang membekalkan laman *web* kepada *World Wide Web* melalui Internet di mana orang lain dijemput untuk menyumbang atau mengepos rancangan-rancangan hendaklah berusaha dengan sebaik-baiknya bagi memastikan bahawa rancangan-rancangan tersebut menepati dengan Tataamalan yang berkenaan sebagaimana yang mungkin dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Menteri.

13. Seseorang pemegang lesen yang membekalkan sebarang perkhidmatan penyiaran yang boleh dilesenkan yang disebut dalam perenggan 3(a) hingga (b) Kenyataan ini, hendaklah —

- (a) memastikan bahawa perkhidmatannya tidak digunakan untuk, atau bagi meneruskan, permainan dan loteri, yang pengendaliannya adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Rumah-Rumah Perjudian Terbuka (Panggal 28) melainkan jika pemegang lesen itu dikecualikan dari peruntukan-peruntukan Akta tersebut;
- (b) memastikan bahawa perkhidmatannya tidak digunakan untuk mengiklankan, membekalkan ataupun sebaliknya menggalakkan —
  - (i) sebarang agama selain dari agama Islam;

(ii) sebarang amalan yang diharamkan oleh ajaran Islam;

- (c) memastikan bahawa perkhidmatannya tidak digunakan untuk mencari pelanggan bagi pelacuran atau sebarang kegiatan lain yang tidak bermoral;
- (d) memastikan bahawa sebarang nasihat profesional, atau sebarang perkhidmatan pakar runding, yang ditawarkan atas perkhidmatannya ditawarkan oleh orang-orang yang berkelayakan yang diiktiraf oleh badan-badan profesional yang berkaitan di Negara Brunei Darussalam;
- (e) dalam hal siaran rakaman bunyi, memastikan bahawa hanya rakaman bunyi yang boleh diterima oleh Menteri sahaja disiarkan; dan
- (f) dalam hal siaran filem atau rakaman video, memastikan bahawa hanya filem dan rakaman video yang dibenarkan oleh Lembaga Penapisan sahaja disiarkan, melainkan jika filem atau rakaman video itu adalah filem atau rakaman video yang tidak dikenakan Akta Penapisan Gambar-Gambar Filem dan Penghiburan-Penghiburan Orang Ramai (Penggagal 69) atau filem atau rakaman video yang dikecualikan dari peruntukan-peruntukan Akta itu.

14. Seseorang pemegang lesen hendaklah mengeluarkan, atau melarang siaran, keseluruhan atau mana-mana bahagian dari suatu rancangan yang dimasukkan dalam perkhidmatannya jika Menteri memberitahu pemegang lesen tersebut bahawa siaran —

- (a) keseluruhan atau sebahagian dari rancangan itu bertentangan dengan Tataamalan yang boleh dikenakan kepada pemegang lesen tersebut; atau
- (b) rancangan itu:
  - (i) bercanggah dengan kepentingan awam, ketenteraman awam atau keharmonian negara; atau
  - (ii) melanggar citarasa yang baik atau tatasusila.

15. Jika sebarang keraguan timbul tentang sama ada seseorang pemegang lesen telah berusaha dengan sebaik-baiknya pada mematuhi syarat-syarat lesennya, pemegang lesen tersebut hendaklah disifatkan sebagai telah berusaha dengan sebaik-baiknya jika dia memuaskan hati Menteri bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dalam hal itu.

16. Tiada sebarang apa pun dalam Jadual ini boleh mengecualikan pemegang lesen tersebut dari mematuhi kehendak-kehendak sebarang undang-undang bertulis lain berhubung dengan pembekalan perkhidmatan pemegang lesen tersebut.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1421  
bersamaan dengan 3 haribulan Februari, 2001.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA DATO LAILA UTAMA  
HAJI AWANG ISA BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI  
DATO LAILA UTAMA HAJI IBRAHIM

Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara penyiaran,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.